



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah terbuka kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia beralamat di **WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor**. Tempoh sah laku sebut harga ialah **60 hari** mulai tarikh tutup sebut harga.

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN
KWP(SH-B)17/2016/BKK	SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN BEG PROGRAM NUR RAMADAN	030201

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi/dimuat turun mulai **02 JUN 2016 (KHAMIS)** secara percuma melalui laman web <http://www.kwp.gov.my>.
3. Cadangan Tawaran Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan **SEBELUM ATAU PADA 06 JUN 2016 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH HARI** melalui kaedah berikut:
 - i) **Serahan tangan**- dimasukkan di dalam sampul surat yang berlakri/bermetri dengan nombor sebut harga ditulis di penjuru kiri sebelah atas sampul serta dikemukakan cadangan tawaran sebut harga hendaklah diserahkan di kaunter Bahagian Kewangan seperti alamat berikut:

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
ARAS 3, BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH
PRESINT 2, 62100 PUTRAJAYA
(U.P.: BAHAGIAN KEWANGAN)**
 - ii) **Melalui faks: 03-8889 7730**
 - iii) **Melalui e-Mel: sebutharga_b@kwp.gov.my**
4. Tawaran sebut harga yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
5. Harga tawaran oleh Penyebut harga hendaklah harga sebelum/tanpa kenaikan GST.
6. Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.



**KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**DOKUMEN SEBUT HARGA
KWP(SH-B)17/2016/BKK**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN
BEG PROGRAM NUR RAMADAN**

PERINGATAN PENTING

**KESILAPAN MENGISI BORANG TAWARAN ATAU MELANGGAR MANA-MANA ARAHAN
DAN SYARAT-SYARAT DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI TIDAK AKAN
DIPERTIMBANGKAN**

**SILA BACA DAN FAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DALAM
DOKUMEN SEBUT HARGA INI SEBELUM MEMBUAT TAWARAN**

SEKSYEN 1 - ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

1. KENYATAAN TAWARAN

- 1.1 Pelawaan terbuka kepada syarikat **eP enabled** beralamat pendaftaran di **Putrajaya, Selangor** dan **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** serta berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang:

030201 - Cenderamata Dan Hadiah

- 1.2 Pendaftaran kod bidang hendaklah masih sah sekurang-kurangnya dalam tempoh **Tiga (3) bulan** daripada tarikh pelawaan sebut harga ini.

- 1.3 Cadangan Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan melalui kaedah berikut:

- (i) Faks : **03-8889 7730**
- (ii) e-Mel: **sebutharga_b@kwp.gov.my**
- (iii) Serahan tangan ke alamat berikut:

**Kementerian Wilayah Persekutuan,
Bahagian Kewangan
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 Putrajaya.
(u.p: Seksyen Perolehan)**

- 1.4 Tawaran sebut harga yang **tidak menggunakan format Dokumen Sebut Harga** yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Walau bagaimanapun, penggunaan lampiran tambahan adalah dibenarkan.
- 1.5 Tarikh akhir penyerahan sebut harga **serahan tangan, faks atau emel** hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **06 JUN 2016 (ISNIN) JAM 12:00 TENGAHARI**. Dokumen sebut harga yang diterima selepas daripada tarikh dan masa yang ditetapkan, bersabit dari apa-apa punca sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.

- 1.6 Dokumen Cadangan Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani **perlu dikembalikan kepada Kementerian** adalah sebagaimana dinyatakan dalam **SENARAI SEMAK**.
- 1.7 **Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih tanpa kenaan GST.**
- 1.8 Sekiranya Penyebut harga telah berdaftar GST dengan JKDM pengemaskinian No. Pendaftaran GST dalam Modul Pendaftaran Pembekal Sistem ePerolehan hendaklah dibuat dengan segera.
- 1.9 Perolehan pembekalan barangan adalah diberi pelepasan daripada kenaan GST kecuali kereta import dan petroleum (RON 97). Walau bagaimanapun, bagi tujuan rekod, Syarikat hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran GST sekiranya berdaftar GST dengan JKDM.
- 1.10 Harga yang ditawarkan hendaklah juga termasuk Fi Perkhidmatan sebanyak
 - (i) Kadar Fi Perkhidmatan 0.8% Kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi pembelian yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one time payment*).
 - (ii) Kadar Fi Perkhidmatan 0.4% Kadar Fi perkhidmatan sebanyak 0.4% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) sama ada melalui Jadual Penghantaran (*Delivery Schedule*), Pencapaian Perkhidmatan (*Milestone*), Bayaran Kemajuan (*Progressive Payment*) yang ditetapkan dalam tempoh kontrak.
- 1.11 Harga yang disebutkan di dalam **LAMPIRAN D (Jadual Harga)** hendaklah sah laku bagi tempoh tidak kurang daripada enam puluh (**60 hari**) dari tarikh tutup sebut harga.

2. PEMBAYARAN

- 2.1 Semua pembayaran adalah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM);
- 2.2 Pembayaran perkhidmatan akan dibuat secara sekali gus (*one-off*) setelah penyempurnaan perkhidmatan telah disahkan oleh Kerajaan dengan disertakan dokumen tuntutan seperti invois/nota penghantaran atau lain-lain yang berkaitan.

3 GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- 3.1 *Integrity Pact* dilaksanakan bertujuan untuk :
 - a) Mengelak daripada menawar atau memberi rasuah;
 - b) Menghendaki Penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
 - c) Memastikan Kerajaan tidak menanggung "*unnecessary costs*" dalam pelaksanaan urusan perolehan.
- 3.2 *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan terdiri daripada unsur-unsur penting seperti berikut :
 - a) menerima **pelawaan rasmi** untuk **menyertai sebut harga** bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja;
 - b) membuat **akuan** bahawa Penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana pihak untuk mendapatkan atau mengekalkan sesuatu kontrak berkaitan perolehan Kerajaan;
 - c) mewujudkan "**Code of Conduct**" bagi membentaras gejala rasuah dan perlakuan tidak beretika di kalangan kakitangan syarikat serta mengadakan **program pematuhan "Code of Conduct"** untuk semua kakitangan syarikat; dan

3.3 Kaedah Pelaksanaan *Integrity Pact*

Kesemua Penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di **LAMPIRAN C**. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran.

4 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 4.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 4.2 Sekiranya mana-mana pihak menawar atau memberi apa-apa suapan kepada anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegahan Rasuah atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 4.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 4.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan di bekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

5 **MAKLUMAT TAMBAHAN**

5.1 Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini hendaklah dirujuk kepada:

Seksyen Perolehan,
Bahagian Kewangan,
Kementerian Wilayah Persektuan
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah,
Presint 2,
62100 PUTRAJAYA

Nombor Telefon : 03-8889 7685 / 7917
Nombor faksimili : 03-8889 7730
Emel : sebutharga_b@kwp.gov.my

SEKSYEN 2

LAMPIRAN-LAMPIRAN

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

(Kew.284-Pin. 5/94)

No. Sebut Harga :
KWP(SH-B)17/2016/BKK

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN
BEG PROGRAM NUR RAMADAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)

.....

No. Telefon :

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Kewangan :

Kod bidang pendaftaran yang relevan
Dengan pembelian ini : **030201**

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh
Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)
Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras G, 1-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah
Presint 2, 62100 Putrajaya

E-mel: **sebutharga_b@kwp.gov.my**

No. Faks: **03-88897730**

Tarikh: **02 Jun 2016**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan: **Rujuk Dokumen Sebut Harga.**
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki: **Rujuk Dokumen Sebut Harga.**
 - 1.3. Arahan pengiriman: **Kementerian Wilayah Persekutuan, Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Putrajaya.**
 - 1.4. Sebut harga hendaklah dihantar secara **serahan tangan / faks / e-mel** sebelum atau pada **06 Jun 2016 (Isnin) tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari.**
 - 1.5. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **enam puluh (60) hari** mulai daripada tarikh tutup sebut harga.

Tarikh: 02 Jun 2016

Oleh: Seksyen Perolehan KWP

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarikat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar/Unit (RM)	Harga (RM)
1.	<p>PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN BEG PROGRAM NUR RAMADAN</p> <p>Syarat-syarat khas:</p> <p>Jenis material : Beg kertas / <i>Polypropylene</i> Saiz : 42cm x 35cm x 12cm Warna : Satu warna Cetakan : Kad/Stiker/<i>Heat transfer</i> dengan cetakan warna penuh</p> <p>Penghantaran : Setiap Parlimen di WP</p>		17,500		
<p><i>Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.</i></p>					
Jumlah keseluruhan (Nilai Tanpa Kenaan GST)					

(i) Nilai Caj kenaan GST 6% sahaja : RM _____ (sekiranya berdaftar GST dengan JKDM)

(ii) Tempoh pembekalan _____ hari (maksimum 60 hari).

Saya/Kami dengan ini menawarkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat – syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat – syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
 Penyebut Harga:.....

Nama dan K/P:

Alamat Syarikat:

Tarikh :

Mustahak - Lihat Syarat – syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos pengangkutan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang Pekeliling yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG
KELUARAN MALAYSIA**

12. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

13. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

14. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

15. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

LAMPIRAN A**KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA****BAHAGIAN A - MAKLUMAT ASAS PENYEBUT HARGA**

1. Nama Syarikat : _____
2. Alamat Syarikat
 - 2.1 Ibu Pejabat : _____

 - 2.2 Cawangan : _____
 (sekiranya ada) _____

3. No. Telefon : _____
 Faks : _____
 Alamat Emel : _____
4. No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan : _____
5. Tarikh Pendaftaran Syarikat : _____
6. Tempoh Sah Pendaftaran Syarikat : _____
7. Status eP : eP Enabled / Tidak eP Enabled
8. Status Pendaftaran GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) :
Tidak Berdaftar GST dengan JKDM / Berdaftar GST dengan JKDM No. Pendaftaran
 _____ (potong yang tidak berkenaan)
9. Telah mengemaskini No. Pendaftaran GST dalam Sistem ePerolehan: **YA / TIDAK**
(Bagi Penyebut harga yang telah berdaftar GST dengan JKDM)

10. Jenis-jenis Perniagaan : _____

11. Jenis Syarikat : Syarikat Persendirian / Syarikat Perkongsian /
Syarikat Tanggungan Bhd / Syarikat Sdn. Bhd.
(potong yang tidak berkenaan)

12. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. nyatakan

- i. Modal dibenarkan : _____
- ii. Modal Berbayar : _____
- iii. Kemudahan Kewangan : _____ Nilai : _____

(Overdraf, Urusan Pemfaktoran dll)

(Sila lampirkan satu salinan yang diakui sah)

13. Nama Bank Syarikat : _____

Alamat Bank Syarikat : _____

No. Akaun Bank Syarikat : _____

14. Status Syarikat (*Tandakan ✓ di mana yang berkenaan*)

- i. 100% Syarikat Tempatan _____
- ii. Perkongsian Antara Syarikat Tempatan/Luar Negeri _____
- iii. Syarikat Luar Negeri _____
- iv. Lain-lain (*nyatakan*) _____

15. Butir-butir Pemilik/Pemegang Saham Syarikat :

- i. Jika milik perseorangan

Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan

ii. Jika milik perkongsian

Bil	Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan	% Milik

iii. Jika Syarikat Sendirian Berhad

Bil	Lembaga Pengarah	No. Kad Pengenalan

Bil	Nama Pemegang Saham/ No. Kad Pengenalan	Status Bumiputera/ Bukan Bumiputera	Bilangan Saham/ % milik

CATATAN : Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi.

16. Nyatakan pembekal utama dalam perkhidmatan bagi Sebut harga ini (sekiranya tanaman dibekalkan oleh pembekal/syarikat lain)

i. Nama Pembekal Utama : _____

ii. Alamat : _____

iii. No. Telefon : _____

17. Nama orang yang bertanggungjawab dalam urusan Sebut harga ini dan yang akan menandatangani Sebut harga sekiranya berjaya:

- i. Nama : _____
- ii. No. Kad Pengenalan : _____
- iii. Jawatan : _____

18. Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua penerangan di atas adalah benar.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cap Rasmi Syarikat

Nota: Jika didapati keterangan/maklumat di atas tidak benar, pihak Kerajaan berhak menolak/membatalkan tawaran syarikat tuan.

LAMPIRAN B**SURAT JAMINAN PENYEBUT HARGA**

Kepada:

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN,
BAHAGIAN KEWANGAN
ARAS 3, BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH, PRESINT 2,
62100 W. P. PUTRAJAYA
(U.P.: SEKSYEN PEROLEHAN)**

Tuan,

**NO.SEBUT HARGA : KWP(SH-B)17/2016/BKK
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN BEG PROGRAM NUR RAMADAN**

Adalah saya/kami dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah keseluruhan sebanyak **RM**.....(**Ringgit Malaysia**)(**FOB**).

2. Saya/kami mengesahkan bahawa perkhidmatan dalam sebut harga ini dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Ketidaktepatan, kelewatan atau kegagalan melaksanakan perkhidmatan yang berpunca dari saya/kami atas sebab pelaksanaan kerja-kerja sebelum, semasa dan selepas perkhidmatan di dalam tempoh perkhidmatan/jaminan maka perkhidmatan akan dilaksanakan oleh pihak ketiga dan sebarang kos tambahan yang berbangkit akan ditanggung oleh saya/kami dan tidak akan dikenakan kepada Kerajaan.

3. Saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa kami akan menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh masa yang dipersetujui atau tempoh jaminan. Jika sebut harga ini diterima, saya/kami bersetuju untuk menandatangani Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima dalam tempoh masa tiga (3) hari dari tarikh surat tersebut.

4. Saya/kami bersetuju bahawa tempoh sah laku sebut harga ini akan dibuka selama enam puluh (60) hari daripada tarikh sebut harga ini ditutup dan dalam tempoh tersebut saya/kami tidak boleh menarik balik tawaran sebut harga tersebut.

5. Saya dengan ini mengesahkan jumlah harga bagi **Sebut Harga Perkhidmatan Menyediakan Beg Program Nur Ramadan** yang ditawarkan adalah sebanyak RM.....RinggitMalaysia:.....
.....) adalah harga sebenar (harga sebelum kenaan GST).

.....
Nama Penuh :

No. K/P :

Tarikh :

Cop Rasmi Syarikat:

..... (Saksi)

Nama Penuh :

No. K/P :

Tarikh :

LAMPIRAN C

SURAT AKUAN PEMBIDA

**NO.SEBUT HARGA : KWP(SH-B)17/2016/BKK
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN BEG PROGRAM NUR RAMADAN**

Saya,..... nombor K.P
yang mewakilinombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan
bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau
memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kementerian Wilayah Persekutuan**
atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di
atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat
seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

1. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kementerian Wilayah
Persekutuan** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga
seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut
harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut
kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang
berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. KP:

Cop syarikat :

LAMPIRAN D

JADUAL HARGA				
Bekalan/ Perkhidmatan : SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN BEG PROGRAM NUR RAMADAN				
Bil	Perihal barang-barang / perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Kuantiti / Kekerapan	Kadar seunit (RM)	Harga (RM)
1.	<p>PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN BEG PROGRAM NUR RAMADAN</p> <p>Spesifikasi Perkhidmatan: Jenis material: Beg kertas / Polypropylene Saiz: 42cm x 35cm x 12cm Warna: Satu warna Cetakan: Kad/Stiker/<i>Heat transfer</i> dengan cetakan warna penuh</p> <p>Penghantaran: Setiap Parlimen di WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan</p>	17,500		
JUMLAH KESELURUHAN (TIDAK TERMASUK KENAAN GST)				

Nilai caj kenaan GST 6% sahaja : RM _____ (Bagi syarikat telah berdaftar GST dengan JKDM)

Tempoh Perkhidmatan : hari/minggu (maksimum 10 hari)

.....
Tandatangan Penyebut Harga

Nama Penuh :

No. K/P :

Cop Syarikat :

LAMPIRAN E

JADUAL SPESIFIKASI PERKHIDMATAN

NO	PERKARA	SETUJU / TIDAK SETUJU	CATATAN / CADANGAN
1.1	Pembekalan dan penghantaran hendaklah disempurnakan dalam tempoh 10 hari dari tarikh Pesanan Tempatan.		
1.2	Pembekalan dan penghantaran hendaklah dibuat <u>ke setiap parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan</u> dalam tempoh masa yang ditetapkan.		
1.3	Sebarang kecacatan, kerosakan bekalan sama ada disebabkan kualiti pembuatan atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti dan ditanggung oleh Penyebut harga tanpa sebarang kos tambahan dalam tempoh yang dibenarkan oleh Kerajaan.		
1.4	Cadangan ubah suai/perubahan/tambahan ke atas spesifikasi bekalan boleh dibuat tertakluk persetujuan bersama Kerajaan dan Penyebut harga dan cadangan ubah suai/perubahan/tambahan hendaklah tidak mengubah/menjejaskan kadar dan jumlah harga asal yang telah dikemukakan oleh Penyebut harga yang berjaya.		
1.5	Keseluruhan harga yang ditawarkan oleh Penyebut harga hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan		

SENARAI SEMAK

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN
BEG PROGRAM NUR RAMADAN
NO. SEBUT HARGA: KWP(SH-B)17/2016/BKK**

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Penyebut harga (/)	Jawatankuasa Pembuka (/)
1.	LAMPIRAN Q		
2.	LAMPIRAN A - Keterangan Mengenai Penyebut harga		
3.	LAMPIRAN B – Surat Jaminan Penyebut harga		
4.	LAMPIRAN C – Surat Akuan Pembida		
5.	LAMPIRAN D – Jadual Harga		
6.	LAMPIRAN E – Spesifikasi Perkhidmatan		
7.	Salinan Sijil Pendaftaran Daripada Kementerian Kewangan Malaysia		
8.	Salinan Dokumen Pendaftaran GST dengan JKDM (sekiranya telah berdaftar dengan JKDM)		
9.	Salinan Penyata Akaun Bank Syarikat		

.....
Tandatangan Penyebut Harga

Nama Penuh :

Cop Syarikat :